

D432

B 8887 AAB  
(ULANGAN - MEMBETULKAN PARA PERTAMA)

MAHATHIR - RML R R R

KUALA LUMPUR, 28 JUN (BERNAMA) -- PROSPEK EKONOMI NEGARA MENJELANG AKHIR DEKAD INI ADALAH CERAH DAN KUKUH DENGAN MENINGKATNYA KADAR PERTUMBUHAN, PENURUNAN KADAR KEMISKINAN DAN PENGURANGAN MASALAH PENGANGGURAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KETIKA MEMBENTANGKAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL, RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML) DI DEWAN RAKYAT HARI INI BERKATA SEKTOR SWASTA AKAN TERUS MENJADI PENGGERAK UTAMA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA DENGAN MENINGKATKAN PELABURAN DAN MENAMBAHKAN EKSPORT.

SETELAH PULIH DARIPADA BENCANA KEMELESETAN, NEGARA AKAN MENCATAT PERTUMBUHAN EKONOMI PADA PARAS PURATA 5.8 PERATUS MENJELANG AKHIR RML (1986-1990), IAITU LEBIH TINGGI DARIPADA MATLAMAT ASAL RML SEBANYAK 5 PERATUS, KATANYA.

+KITA AKAN DAPAT MELIHAT TRANSFORMASI STRUKTUR EKONOMI KE ARAH YANG DIHARAPKAN TERUTAMA DALAM KONTEKS MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA,+ KATA PERDANA MENTERI.

DENGAN KEADAAN EKONOMI SEMAKIN BERTAMBAH BAIK, KERAJAAN BERSETUJU MENINGKAT PERBELANJAAN PEMBANGUNAN SEKTOR AWAM DI BAWAH RML KEPADA \$57.5 RIBU JUTA, IAITU TAMBAHAN 20 PERATUS BERBANDING DENGAN JUMLAH YANG DILULUSKAN SEBELUM INI SEBANYAK \$47.7 RIBU JUTA.

WALAUPUN JUMLAH ITU MASIH RENDAH BERBANDING DENGAN PERUNTUKAN ASAL RML \$74 RIBU JUTA, IA MENCUKUPI UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN SEHINGGA AKHIR 1990, KATA BELIAU. -- LAGI.  
1846MST 28 06 89

D388

U 8851 AAB  
MAHATHIR - RML 2 KUALA LUMPUR R R R

PERDANA MENTERI BERKATA DARIPADA PERUNTUKAN YANG DISEMAK SEMULA ITU, SEBANYAK \$32.86 RIBU JUTA DIPERUNTUKKAN BAGI PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN \$16.4 RIBU JUTA BAGI PERUSAHAAN AWAM BUKAN KEWANGAN (PABK).

KATANYA 76.17 PERATUS DARIPADA KESELURUHAN PERUNTUKAN ITU IALAH UNTUK SEKTOR EKONOMI MANAKALA 17.24 PERATUS UNTUK SEKTOR SOSIAL.

SAMBIL MENYATAKAN BAHAWA MALAYSIA BOLEH DIANGGAP NEGARA TERBAIK DI RANTAU INI DARIPADA SEGI TABURAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR, BELIAU BERKATA KERAJAAN AKAN TERUS MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA PROJEK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR FIZIKAL AND SOSIAL.

PROJEK-PROJEK INFRASTRUKTUR SEPERTI JALAN, PELABUHAN, KERETAPI, LAPANGAN TERBANG, BEKALAN AIR DAN ELEKTRIK PERLU DIPERTINGKATKAN LAGI UNTUK MEMBERI SOKONGAN KEPADA PERKEMBANGAN SEKTOR-SEKTOR PENTING KHUSUSNYA PEMBUATAN, PELANCONGAN DAN PERTANIAN.

MEMANDANGKAN PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN OLEH AGENSI-AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN KURANG MEMUASKAN, USAHA AKAN DILIPATGANDAKAN SUPAYA PRESTASI PELAKSANAAN YANG LEBIH TIGGI DAPAT DICAPAI DALAM TEMPOR 18 BULAN AKAN DATANG, KATANYA. -- LAGI.  
1708MST 28 06 89

D398

U B863 AAB  
MAHATHIR - RML 3 KUALA LUMPUR R R R

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN KEADAAN KEWANGAN SEKTOR AWAM KINI BERTAMBAH BAIK BERBANDING PADA DUA TAHUN PERTAMA SEMASA RML DILANCARKAN; KERAJAAN AKAN TERUS MENGAWAL PERBELANJAAN AWAM SUPAYA KEDUDUKANNYA KUKUH.

BELIAU BERKATA SETELAH MENGALAMI DEFISIT; AKAUN SEMASA KERAJAAN PERSEKUTUAN DIJANGKA MENDAPAT LEBIHAN PADA TAHUN INI DAN TAHUN DEPAN YANG AKAN MENGURANGKAN DEFISIT KESELURUHAN BAGI TEMPOH RML. DEFISIT KESELURUHAN PADA MASA INI BERADA PADA PARAS YANG MUNASABAH DAN LEBIH RENDAH DARIPADA ANGGARAN ASAL RML.

KERAJAAN; KATANYA; AKAN TERUS CUBA MENGURANGKAN BEBAN HUTANG LUAR NEGERI DENGAN MEMBIAYAI PELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN MELALUI SUMBER-SUMBER DALAM NEGERI; MENINGKATKAN PROGRAM PENSWASTAAN; MENGAWASI PRESTASI DAN MENGALAKKAN PABK-PABK MENCARI PUNCA PENDAPATAN SENDIRI.

UNTUK MENDORONG PERTUMBUHAN EKONOMI; PERUNTUKAN \$400 JUTA DISEDIAKAN BAGI TUJUAN AKTIVITI PENYELIDIKAN SEKTOR AWAM.

BAGI TUJUAN MENGURUS AKTIVITI PENYELIDIKAN YANG LEBIH TERSELARAS MENGIKUT KEUTAMAAN YANG BERASASKAN MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGARA; SATU PERATURAN +PENYELIDIKAN DI BIDANG KEUTAMAAN+ ATAU IRPA TELAH DIWUJUDKAN.

PERATURAN INI MEMBERI KESAN BAIK DARIPADA SEGI PENGGEMBLENGAN TENAGA PENYELIDIKAN KE ARAH MATLAMAT YANG DITETAPKAN SERTA MENDORONG USAHA PENYELIDIKAN SECARA KERJASAMA DALAM DAN ANTARA INSTITUSI BAGI MENGHINDARKAN PEMBAZIRAN SUMBER. -- LAGI.

1731MST 28 06 89

D433

B B888 AAB  
(ULANGAN - MEMBETULKAN PARA PERTAMA)

MAHATHIR - RML 4 KUALA LUMPUR R R R

MENGENAI USAHA MEMBASMI KEMISKINAN; BELIAU BERKATA RAMALAN AWAL MENUNJUKKAN NEGARA AKAN MENCAPAI MATLAMAT PEMBASMIAN MUTLAK BAGI SEMENANJUNG MENJELANG AKHIR DEKAD INI.

KATANYA; PENDAPATAN PURATA KESEMUA PROJEK PERTANIAN TAJAAN KERAJAAN JUGA PADA PARAS YANG LEBIH TINGGI DARIPADA GARIS KEMISKINAN.

MENGENAI PENGANGGURAN PULA; DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KADARNYA PADA TAHUN 1990 HANYA DAPAT DIKURANGKAN KEPADA 7.6 PERATUS DARIPADA 8.1 PERATUS TAHUN LALU.

UNTUK MEMBERI PEKERJAAN KEPDA SEJUMLAH 534,700 PENGANGGUR PADA MASA INI; EKONOMI NEGARA PERLU BERKEMBANG PADA PARAS SEKURANG-KURANGNYA 7 PERATUS; KATANYA.

BAGAIMANAPUN; PERATUSAN PENGANGGURAN TIDAK AKAN MENURUN SELAGI RAKYAT MALAYSIA TERLALU MEMILIH PEKERJAAN.

+SEMASA BERIBU-RIBU PELUANG PEKERJAAAN KOSONG; BERIBU-RIBU MENGANGUR... PADA MASA YANG SAMA; PENDATANG ASING BEREBut-REBUT DATANG KE MALAYSIA UNTUK MENDAPAR PEKERJAAN.+

+KERANA TERLALU MEMILIH; KITA SEPerti AYAM DI KAPUK MATI KELAPARAN; ITIK DI AIR MATI KEHAUSAN,+ KATANYA. -- LAGI.

1848MST 28 06 89

U B882 AAB  
MAHATHIR - RML 5 KUALA LUMPUR R R R

PERDANA MENTERI BERKATA PENINGKATAN SEKTOR EKSPORT DAN LANGKAH KERAJAAN MENGURANGKAN KAWALAN KE ATAS SEKTOR SWASTA TELAH MENDORONGKAN PERTUMBUHAN SEKTOR PELABURAN.

KATANYA JUMLAH MODAL BAGI PROJEK-PROJEK YANG DILULUSKAN OLEH MIDA PADA TAHUN 1988 IALAH SEBANYAK \$9.09 RIBU JUTA, IAITU 131 PERATUS LEBIH TINGGI BERBANDING DENGAN JUMLAH YANG DILULUSKAN PADA TAHUN 1987.

NILAI EKSPORT NEGARA PADA TAHUN 1988 MENINGKAT KEPADA \$55.3 RIBU JUTA IAITU 55 PERATUS LEBIH TINGGI BERBANDING PADA TAHUN 1986, DENGAN NILAI EKSPORT BARANG PEMBUATAN MENINGKAT KEPADA 75 PERATUS PADA TAHUN 1988 BERBANDING DENGAN TAHUN SEBELUMNYA.

UNTUK MENINGKATKAN PERANAN SEKTOR SWASTA DALAM PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA, GALAKAN AKAN DIBERIKAN KEPADA INDUSTRI YANG BOLEH BERKEMBANG PESAT, BERDAYA MAJU DAN MEMPUNYAI KEUPAYAAN BERSAING.

USAHA-USAHA PERLU DIBUAT UNTUK MEMPELBAGAIKAN KELUARAN, REKA BENTUK SERTA KEGUNAAN BARANG-BARANG YANG DIHASILKAN DI SAMPING MEMPERGIATKAN PENEROKAAN PASARAN BARU.

SECARA KESELURUHAN, PEMBANGUNAN SEKTOR PEMBUATAN AKAN TERUS MEMBERI PENEKANAN KEPADA ASPEK-ASPEK KECEKAPAN DAN KEUPAYAAN BERSAING, KATA BELIAU.

-- BERNAMA.

1835MST 28 06 89